AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 3 PRINTED SIZE: 220.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 3,723.00 ITEM ID: MY0055427121

03 SEP, 2023

Pengilang diarah tingkat pengeluaran 20 peratus

Berita Harian Ahad, Malaysia

Pengilang diarah tingkat pengeluaran 20 peratus

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengarahkan pengilang padi atau pengeluar beras meningkatkan pengeluaran sebanyak 20 peratus, menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan dalam pasaran.

Dalam kenyataannya, KPKM berkata, pengilang sudah menyatakan persetujuan memberikan kuota tambahan bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) itu kepada kerajaan menerusi Padiberas Nasional Bhd (BERNAS).

"Melalui program khas itu juga, BERNAS akan memberikan kuota tambahan berkenaan kepada pemborong Bumiputera untuk menambah bekalan BPT negara.

"KPKM berharap menerusi langkah intervensi ini, bekalan BPT akan kembali pulih dalam waktu terdekat dengan pertambahan pengeluarannya di pasaran.

"Sehingga kini, harga BPT masih kekal pada harga kawalan RM2.60/kilogram sejak 2008 dan ia adalah harga terendah di rantau ini," katanya.

Kelmarin, BERNAS dalam kenyataannya, mengumumkan penyelarasan harga jualan beras putih import di seluruh negara daripada RM2,350 kepada RM3,200 bagi satu tan berkuat kuasa serta merta.

Pada masa sama, KPKM berkata, pemantauan dibuat secara berterusan dengan kerjasama Kawalselia Padi dan Beras (KPB) dan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Operasi Jamin (OP JAMIN).

"KPKM turut melancarkan Operasi Beras Putih (OP BPT) sejak 16 Ogos lalu bagi menumpukan pemeriksaan dan penguatkuasaan di peringkat pengilang padi dan pemborong beras seluruh negara.

"Sekiranya ada pihak gagal mematuhi perundangan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, KPKM melalui kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras berhak membatal atau menggantung setiap lesen yang dikeluarkan," katanya.

Sementara itu, Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan India supaya memberikan pengecualian kepada negara ini berhubung eksport beras.

Beliau berkata, pihaknya peka keputusan dibuat India baru-baru ini yang melarang barangan makanan itu dieksport ke luar.

Katanya, ketika ini Malaysia tidak bergantung sepenuhnya kepada India dalam pengimportan beras kerana turut mempunyai negara sumber lain.

"Pada masa ini, kita ada sumber lain seperti Thailand dan Vietnam, manakala BERNAS memberi jaminan akan memastikan bekalan beras putih import mencukupi untuk keperluan negara," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, India mengumumkan mengenai larangan eksport beras dari negara itu sebagai langkah mengelak lonjakan harga bekalan domestik.

Pada 20 Julai tahun lalu, India mengharamkan eksport beras putih bukan Basmati, sebelum larangan itu diperluaskan kepada beras hancur mulai September.

Mulai 27 Ogos tahun ini, larangan itu dilanjutkan dengan sekatan eksport lebih ketat berbanding ketika diumumkan sebelum ini.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 3 PRINTED SIZE: 220.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 3,723.00 ITEM ID: MY0055427121

03 SEP, 2023

Pengilang diarah tingkat pengeluaran 20 peratus

Berita Harian Ahad, Malaysia

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengarahkan pengilang padi atau pengeluar beras meningkatkan pengeluaran sebanyak 20 peratus, menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan dalam pasaran. Dalam kenyataannya, KPKM berkata, pengilang sudah menyatakan persetujuan memberikan kuota tambahan bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) itu kepada kerajaan menerusi Padiberas Nasional Bhd (BERNAS). “Melalui program khas itu juga, BERNAS akan memberikan kuota tambahan berkenaan kepada pemborong Bumiputera untuk

menambah bekalan BPT negara.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.